

17/04/2003

50,000 dijangka rai ulang tahun Umno bulan depan

Hasnira Hassan

MELAKA: Seramai 40,000 hingga 50,000 ahli Umno dijangka berkumpul di Stadium Merdeka, di ibu negara bagi meraikan Sambutan Ulang tahun Umno ke-57 pada 11 Mei ini.

Setiausaha Kerja Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, berkata pihaknya berharap semua ahli Umno dapat berhimpun bagi mendengar ucap tama dan amanat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden parti.

Beliau berkata, pihaknya juga sedang mengatur pelbagai program sampingan lain yang akan diadakan selain perhimpunan gergasi itu.

"Kita akan memaklumkan kepada semua Bahagian mengenai program yang akan dilaksanakan dan berharap mendapat kerjasama mereka.

"Pada perhimpunan tahun lalu yang diadakan dengan kerjasama Selangor di Stadium Melawati, kita difahamkan lebih 30,000 ahli Umno hadir tetapi sebahagiannya tidak dapat masuk kerana stadium itu hanya memuatkan seramai 15,000 orang," katanya selepas merasmikan Konvensyen Bandaraya Berkembar Antarabangsa Ketiga 2003 di sini, semalam.

Konvensyen diadakan selama dua hari mulai semalam dengan dihadiri kira-kira 200 wakil pihak berkuasa tempatan termasuk empat bandaraya berkembar antarabangsa iaitu China, Chile, Portugal dan Belanda.

Tengku Adnan berkata, perhimpunan kali ini dijangka disertai oleh veteran Umno yang dijemput khas bagi mengimbas kembali jasa dan pengorbanan mereka membangunkan Umno selaras dengan moto perjuangan iaitu 'Umno, Dulu, Kini dan Selamanya'.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Tengku Adnan berkata, pihaknya yakin Konvensyen Bandaraya Berkembar kali ini dapat memperlihatkan kepada dunia toleransi yang berjaya dicipta di kalangan rakyat Malaysia bagi mewujudkan keharmonian hidup.

Katanya, ia sekali gus membuktikan bahawa pucuk pimpinan negara tidak pernah menidakkan hak bangsa lain di negara ini walaupun mereka bukan pribumi.

"Kita akur pada persetujuan yang dicapai sebelum merdeka dan cara ini harus diteruskan walaupun kita berbeza warna kulit, gaya hidup, budaya dan makanan tetapi kita boleh bersatu padu untuk hidup secara bertamadun sama ada sebelum hingga selepas merdeka," katanya.